

Mahathir tegur sikap penjaja yang enggan bayar hutang

M 31 JUL 1988

MELAKA 30 JULAI — Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur sikap segelintir pengusaha dan penjaja Melayu yang tidak mengambil berat untuk menjeiaskan hutang-hutang yang mereka pinjam dari bank-bank.

Menurut Perdana Menteri, sikap ini yang masih diamalkan hingga sekarang menyebabkan pengusaha dan penjaja yang baru hendak mencuburi bidang perniagaan menghadapi kesulitan meminjam dari pihak bank.

Beliau berkata, ini disebabkan pihak bank terpaksa berhati-hati untuk memberi pinjaman khawatir mereka juga tidak akan membayar semula pinjaman yang diberi nanti.

Berucap merasmikan mesyuarat agung Gabungan Persatuan Penjaja • Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia (GPPPKMM) kali ke tujuh di Dewan Hang Jebat, Pusat Expo Air Keruh dekat sini pagi ini, beliau menegaskan jika orang Melayu khususnya golongan peniaga berasa tidak mampu untuk membayar semula pinjaman, mereka tidak perlu berhutang (meminjam).

Datuk Sri Dr Mahathir berkata, kita tidak mahu orang Melayu dicap sebagai satu bangsa

yang biiia diberi pinjam tidak akan membayar pinjaman itu semula.

“Adakah kita suka bangsa kita dikenali sebagai satu bangsa bila diheri pinjam tidak akan membayarnya kembali. Jika tidak mampu untuk membayar hutang jangan berhutang,” kata beliau.

Beliau mengingatkan para pengusaha dan penjaja Melayu supaya jangan mengamalkan sikap tersebut kerana ia hanya akan menyusahkan rakan-rakan mereka yang baru hendak mencuburi bidang tersebut.

“Bila diberi pinjam, mestiiiah dibayar semula. Jika tidak ia akan memberi kesan kepada orang yang kemudian. Gejala inilah yang berlaku sekarang”, katanya.

Datuk Sri Dr Mahathir menarik perhatian, terdapat pengusaha • pengusaha Melayu yang membuat pinjaman berjuta-juta ringgit semasa negara makmur.

Tetapi sekarang, katanya, oleh kerana tidak tahu menguruskan wang tersebut, mereka jatuh bankrap dan kini diburu pula oleh pihak bank yang menuntut semula wang yang mereka pinjam tempoh hari.

Dalam ucapannya juga, Perdana Menteri menegaskan, bukanlah dasar kerajaan untuk tidak memberi bantuan khususnya kepada para penjaja Melayu untuk perniagaan mereka.

Katanya, setiap bantuan yang diberi kerajaan memikirkan sama ada ia akan dapat digunakan dengan baik oleh mereka Yang menerima bantuan itu.

“Apalah gunanya jika diberi satu juta kepada seseorang yang tidak tahu berniaga sama sekaii. Apakah dia boleh berniaga? Wang satu juta itu akan hilang dan tak akan dapat balik semula. Orang itu pula akan balik ke asalnya semula,” jelas beliau.

Menurut beliau, perniagaan tidak hanya memerlukan modal tetapi juga mestilah cekap menguruskan soal kewangan.

Beliau menegaskan, kerajaan tidak pernah sama sekaii berniat untuk menjadikan orang Melayu lemah dalam perniagaan sebaliknya mahu mereka menjadi cukup pintar dan bijak menguruskan perniagaan yang dijelankannya itu.

“Kerajaan tidak ada niat untuk tidak memberi bantuan. Tetapi apa yang kita mahu biarlah bantuan itu digunakan ke arah meningkatkan lagi keupayaan mereka untuk bertanding dengan rakan-rakan dari bangsa lain”, kata Perdana Menteri.

Beliau juga berkata, jika peruntukan \$30 juta yang diberi untuk kemudahan para penjaja tidak mencukupi kerajaan mungkin akan menambahkan peruntukan tersebut.